



سيارن اخبار
PRESS RELEASE

KEMENTERIAN KESIHATAN • Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.
Tel: 2381640 samb./ext. 7734 • Faks/Fax: 2383016 • E-mel/E-mail: prohealth@brunet.bn

SIARAN AKHBAR 

PERKEMBANGAN TERKINI MENGENAI PESAKIT YANG DIRAWAT DI PUSAT PENGASINGAN KEBANGSAAN

Berikutan siaran akhbar Kementerian Kesihatan pada 24 Januari 2020 mengenai seorang pesakit warga China yang sedang menjalani pemeriksaan lanjut di Pusat Pengasingan Kebangsaan yang mana Kementerian Kesihatan adalah sedang dalam proses mengenapasti jika pesakit tersebut mempunyai sebarang kaitan dengan virus 2019-nCoV dari Wuhan, China, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan orang ramai bahawa pesakit tersebut telah disahkan TIDAK ADA KAITAN dengan virus 2019-nCoV. Ujian makmal yang dilakukan ke atas pesakit adalah NEGATIF bagi virus-virus influenza dan virus 2019-nCoV. Pesakit pada masa sekarang berada di dalam keadaan yang stabil dan akan dibenarkan meneruskan perjalanannya, sebaik saja disahkan sihat oleh pakar yang merawatnya.

Untuk maklumat lanjut mengenai langkah-langkah pencegahan jangkitan influenza, orang awam boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Darussalam 123.

Rujukan : KK/PR/5
Tarikh : 25 Januari 2020

-TAMAT-